


Aliran air kumbahan yang menjadi deras ketika hujan hingga menghakis tanah dan menyebabkan runtuhan besar di belakang rumah penduduk di Taman Mewah, Bemban.

(Foto: Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)



# Risau tanah runtuh, mendap

**Tiga keluarga dakwa tindakan pelepasan air kumbahan punca hakisan makin buruk**

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Jasin:** Tiga keluarga di Taman Mewah, Bemban, di sini berdepan ancaman keselamatan berikutan berlaku hakisan dan runtuhan tanah di kawasan belakang kediaman mereka sejak sembilan tahun lalu.

Penduduk ditemui mendakwa hakisan dan runtuhan tebing itu berpunca daripada pelepasan air kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) dan diburukkan lagi apabila hu-

Suri rumah, R Thilaghwathy, 42, berkata, masalah itu dikesan sejak 2014 dan semakin teruk pada Disember tahun lalu apabila berlaku runtuhan besar hingga membentuk tebing tinggi dan cerun lebih 50 meter lebar.

Katanya, rumahnya paling terjejas hingga mengalami keretakan pada dinding di bahagian dapur, bilik tidur dan bilik air akibat hakisan dan runtuhan itu.

"Bahagian lantai dapur juga retak dan pecah akibat tanah mendap dan kami sudah membelanjakan kira-

kira RM50,000 untuk membaiki kerosakan termasuk terbaru membina tembok penahan yang tergenda la kerana tidak cukup wang.

"Ikutkan sejak awal lagi suami, S Loganathan, 46, dah banyak kali buat aduan...masa itu paras tanah masih rata dan aliran air kecil tetapi tiada tindakan.

"Akhirnya apa yang kami bimbangkan berlaku hujung tahun lalu apabila rebakan tanah makin besar, pokok tumbang hingga membentuk seperti longkang besar dan aliran air mencurah seperti air terjun," katanya yang berpindah dari Ayer Merbau ke taman itu pada 17 Oktober 2012.

## Rayu tindakan segera

Thilaghwathy berkata, mereka merayu dan berharap runtuhan tebing itu dilakukan pembaikan segera oleh pihak berkuasa demi keselamatan keluarganya seramai enam orang.

"Setiap kali hujan kami sekeluarga tak lena tidur, malah nak tinggalkan rumah pun takut memikirkan hakisan dan runtuhan tanah terus berlaku dan semakin hampir dengan bahagian dapur."

"Kami bukan orang senang...saya sendiri terpaksa gadai barang kemas sebanyak RM20,000 dan keluarkan semua duit simpanan untuk pengajian anak untuk baiki kerosakan."

"Sebelum ini bomba dan polis ada datang dan menasihati kami berpindah segera atau menumpang di rumah saudara mara jika runtuhan makin teruk,"

katanya.

Katanya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Sapiah Haron; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kesidang, Alex Seah Shoo Chin; pegawai jabatan dan agensi kerajaan turut meninjau runtuhan tebing itu kelmarin dan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, jirannya, Chan Sai Leong, 46, dan Muhammad Yusri Abdul Rahman, 30, turut berharap masalah itu diatasi segera bagi mengelak risiko keselamatan dalam jangka panjang.

Tinjauan mendapati hanya tiga daripada empat rumah di situ berpenghuni, manakala kediaman lain turut terjejas dan mengalami keretakan pada dinding akibat hakisan serta tanah runtuhan.

Sementara itu, Sapiah berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) Jasin menerusi Bahagian Forensik Cerun akan melakukan kajian berhubung runtuhan tanah itu bagi menentukan penyelesaian terbaik.

Katanya, keputusan dibuat hasil tinjauan di lokasi yang dilakukan pihaknya kelmarin bersama agensi kerajaan berkaitan.

Beliau berkata, pada masa sama, pihak Indah Water Konsortium Sdn Bhd diminta meneliti semula saliran air kumbahan di loji terbabit.

Shoo Chin yang turut meninjau runtuhan itu berkata, beberapa cadangan dikemukakan bersama pegawai jabatan dan agensi kerajaan berkaitan.